

Qazaf: Anwar diberi 3 minggu fail affidavit jawapan
Malaysiakini.com
October 28, 2010

Mahkamah Rayuan Syariah hari ini memberi tempoh tiga minggu kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memfailkan affidavit jawapan terhadap notis yang dikemukakan Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan dan dua lagi, bagi mengeneipkan rayuan Anwar berhubung permohonan qazafnya.

Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Abdul Razali Kefli menetapkan 18 November ini sebagai tarikh akhir untuk Anwar menjawab notis yang dikemukakan Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan, Shamsuddin Hussain; Pengarah Jabatan Agama Islam (JAWI), Datuk Che Mat Che Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom pada 14 Mei lalu.

Beliau berkata, rayuan Anwar berhubung permohonan qazafnya yang ditolak Mahkamah Tinggi Syariah di sini pada 14 April lalu, akan didengar dalam Januari tahun depan.

Abdul Razali menetapkan tarikh itu selepas bertemu peguam, Zainul Rijal Abu Bakar dan Roslizam Rahim yang mewakili Shamsuddin, Che Mat dan Jamil Khir serta peguam Dorina Abdullah bagi pihak Anwar.

Ketiga-tiga pemohon memfailkan permohonan untuk mengeneipkan notis rayuan Anwar dengan alasan ia cacat, salah aturan dan telah memberi implikasi yang besar terhadap permohonannya.

Mereka juga mendakwa ahli Parlimen Permatang Pauh itu juga gagal menyatakan secara terperinci, bahagian mana keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang ingin dirayunya.

Ketika ditemui media, Zainul Rijal berkata, notis rayuan yang difailkan Anwar tidak mematuhi prosedur mengikut Akta Tatacara Mal (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

Pada 23 April lalu, Anwar, 63, memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang menolak permohonannya supaya memerintahkan pendakwaan yang diwakili Shamsuddin, meneruskan pertuduhan qazaf terhadap bekas pembantu peribadinya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 25.

Pertuduhan qazaf ialah membuat tuduhan terhadap seseorang yang melakukan zina tanpa membawa empat saksi lelaki, dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman maksimum penjara tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam permohonannya, Anwar telah menamakan Jamil Khir, Shamsuddin dan Che Mat sebagai responden.

Pada 9 Februari lalu, ketiga-tiga responden memfailkan bantahan awal terhadap permohonan Anwar dengan alasan Mahkamah Tinggi Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan qazaf berkaitan kesalahan jenayah melalui prosedur Mal.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146708>